

22/09/1998

MB mahu ahli Umno buat keputusan jelas

SEREMBAN, Isnin - Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad yang menyifatkan penangkapan Datuk Seri Anwar Ibrahim, tidak mengejutkan meminta ahli Umno yang menyokong bekas Timbalan Perdana Menteri itu membuat keputusan yang jelas.

"Jangan seperti ketam batu yang hidup dua alam.

"Kita tidak boleh serentak menjadi ahli parti dan pada masa yang sama menyokong Anwar," katanya.

Menurut beliau, Anwar tahu perbuatannya melanggar undang-undang dan tidak boleh membantah tindakan polis menangkapnya.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis perjumpaan khas dengan menteri besar di Wisma Negeri di sini, petang ini, Isa berkata rakyat seharusnya menerima apa juga keputusan berhubung penahanan Anwar dan tidak membenarkan mereka dipengaruhi emosi.

Katanya, rakyat juga tidak harus terlalu didorong dengan teori konspirasi, tuduhan palsu dan rasuah sebagaimana yang dibangkitkan oleh Anwar.

"Anwar kian terdesak dan tidak boleh lagi berfikir secara rasional," katanya, sambil menambah Anwar sanggup menerima tawaran daripada parti pembangkang untuk menyampaikan ceramah umum.

"Begitu juga dengan penangkapan Ketua Pemuda Umno Negeri Sembilan. Ruslan Kassim sendiri seorang peguam dan tahu risiko perbuatannya," katanya.

Mohd Isa berkata, penangkapan Ruslan tidak menjejaskan Pergerakan Pemuda Umno Negeri Sembilan kerana enam ketua bahagian lain sudah hilang kepercayaan terhadapnya.

Setakat ini, katanya tidak ada ahli Umno yang menyokong perjuangan Anwar dengan gerakan reformasinya.

Sehubungan itu, beliau meminta rakyat meyakini keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung isu pemecatan Anwar.

Mohd Isa berkata, Dr Mahathir mengakui amat sukar untuk menerangkan kepada rakyat mengenai sebab yang membawa kepada pemecatan Anwar.

Katanya, ini kerana Perdana Menteri sendiri tidak mempercayai Anwar terbabit dalam masalah moral yang teruk.

"Apabila Dr Mahathir diberitahu bahawa Anwar terbabit dalam masalah moral yang tidak sepatut dilakukannya, beliau enggan percaya dan menyifatkan sebagai fitnah.

"Anwar terkenal sebagai tokoh agama, warak dan pandai berkhutbah di masjid. Jadi, memang susah hendak percaya," katanya.

Mohd Isa berkata, Perdana Menteri membuat keputusan memecat Anwar setelah amat yakin bekas timbalannya memang terbabit dan terlebih dulu mendengar hujah semua pihak, termasuk Anwar sendiri dan bukan hanya mendengar cakap-cakap orang.

Beliau berkata, alasan Anwar dipecat adalah kerana masalah moralnya dan bukan kegagalan mengurus ekonomi negara atau hasrat Anwar mencabarnya bagi jawatan Presiden Umno tahun depan.

"Dr Mahathir masih yakin terhadap Anwar untuk menguruskan ekonomi negara dan sanggup mempertahankan jawatannya jika Anwar benar mahu merebut jawatan Presiden parti.

"Bagaimanapun, Perdana Menteri tidak boleh menerima Anwar kerana pembabitannya dalam masalah moral," katanya.

Mohd Isa berkata, Perdana Menteri sebenarnya amat menyayangi Anwar

sehingga menyebabkan ramai pemimpin lain memusuhinya.

Kerjaya Anwar dalam politik dan kerajaan mendadak naik dari Timbalan Menteri, menjadi Menteri penuh dan akhirnya Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kerana Dr Mahathir memang mahu Anwar menjadi penggantinya.

"Masalah moral Anwar bukan perkara baru kerana berlaku sejak 1993, tetapi masalah itu sungguh menghampakan Perdana Menteri dan beliau tidak ada pilihan lain kecuali memecatnya," katanya.

Mohd Isa berkata, di kalangan pemimpin Umno, terutama Majlis Kerja Tertinggi Umno, mereka mengetahui Anwar memang merancang menjatuhkan Dr Mahathir apabila isu nepotisme, kronisme dan rasuah dibangkitkan sebelum dan pada Perhimpunan Agung Umno lalu.

Katanya, mereka mengetahui Anwar adalah orang di sebalik Ketua Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang membangkitkan isu itu.

Bagaimanapun, katanya Perdana Menteri tidak peduli dan masih mempertahankan Anwar sehingga masalah moralnya terbongkar.

Justeru, beliau meminta rakyat yang sesetengahnya tidak mempercayai Anwar dalam masalah moral, meyakini dan mempercayai Dr Mahathir yang tidak mahu pemimpin tidak bermoral menjadi Perdana Menteri.

(END)